



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN  
EDUCATIONAL PLANNING AND RESEARCH DIVISION

Aras 1-4, Blok E8

Kompleks Kerajaan Parcel E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya

Telefon : 03-8884 6500

Faks : 03-8884 6439

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-12/1/4 Jld 29( 52)

Tarikh : 10 Mei 2022

**ENCIK KAMARUDDIN BIN KASIM**

Pengarah

Bahagian *Commercial and Experiences*

Petrosains *The Discovery Centre*

Kuala Lumpur City Centre

**50088 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**MAKLUM BALAS JEMPUTAN SEBAGAI RAKAN STRATEGIK SERTA MEMOHON  
KEBENARAN DAN SOKONGAN UNTUK PELAKSANAAN PROGRAM 'PETROSAINS  
RBTX CHALLENGE 2022'**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat tuan dengan nombor rujukan PSB/PRG/PDMP/43.2.1/22/003 bertarikh 13 April 2022 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Pusat STEM Negara, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berfungsi untuk merancang dan melaksanakan program pendidikan STEM dengan mewujudkan jaringan perkongsian kepakaran dan sumber pendidikan STEM antara pemegang taruh lingkaran empat pihak.
3. Sehubungan dengan itu, pihak Pusat STEM bersetuju untuk menjadi rakan strategik dalam menjayakan program Petrosains *RBTX Challenge 2022*. Pusat STEM Negara juga bersedia untuk menghebahkan program ini kepada para guru serta murid sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia.



4. Penganjuran Petrosains *RBTX Challenge* 2022 ini diharapkan dapat memberikan manfaat serta meningkatkan kemahiran dan kecekapan para murid dan guru dalam bidang robotik dan teknologi serta menarik minat dan meningkatkan bilangan murid yang memilih jurusan STEM selaras dengan agenda pendidikan STEM Negara.

5. Bagi memastikan kelancaran perjalanan pertandingan berkenaan, pihak tuan dimohon untuk mematuhi perkara yang berikut:

- 5.1 pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 5.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 5.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 5.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 5.5 surat ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 5.6 penyertaan murid tidak mengganggu atau menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) / Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) / program/aktiviti sekolah;
- 5.7 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah; dan
- 5.8 bagi tujuan pengiktirafan program, pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK);

6. Bagi memudahkan urusan komunikasi dua hala, pihak tuan boleh menghubungi **Dr. Nor Aidillina binti Mohd Ramli (aidillina.ramli@moe.gov.my)** melalui talian **016 442 7793** atau **Puan Nuraini binti Abu Bakar (nuraini.abubakar@moe.gov.my)** melalui talian **016 4900395**.

Segala kerjasama dan sokongan daripada pihak tuan dalam memperkasakan pendidikan STEM di Malaysia amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINAL BIN ABAS)**

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

*Nuraini AB/RBTXChallenge 2022 /Laptop*